

Tugas besar Umno

BH 26 AUG 1982
KUALA LUMPUR, Rabu

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tugas UMNO adalah besar - untuk menentukan Malaysia ditadbir dengan licin dan membangun sebagai sebuah negara yang dihormati dunia.

Untuk mencapai matlamat ini, tegas Perdana Menteri, UMNO mestilah berusaha meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berupaya mempertahankan diri serta berkebolehan berdikari tanpa duduk di bawah telunjuk mana-mana pihak.

"Saya ingin melihat supaya UMNO ini kekal. Kekalnya

UMNO sebagai sebuah parti yang berusia 36 tahun tanpa perpecahan besar adalah satu kejayaan yang bukan kecil," tegas Perdana Menteri.

Dalam satu temuramah khas dengan akhbar MERDEKA keluaran terbaru, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO Malaysia menegaskan:

"UMNO tidak patut wujud semata-mata kerana kepentingan parti, tapi UMNO sebenarnya wujud, khasnya kerana kepentingan orang-orang Melayu yang kesemuanya beragama Islam di samping kepentingan negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa."

Beliau menegaskan, walaupun UMNO menghadapi sedikit sebanyak perselisihan faham di antara pemimpin dan perpecahan di kalangan ahli

dan sebagainya, "tapi UMNO masih terus menjadi sebuah pertubuhan teguh yang bukan saja kekuatannya bertambah, tapi ahlinya kian meningkat," tambahnya.

Tiada peluang

Ini, katanya, adalah satu kejayaan besar dan beliau ingin melihat UMNO menjadi parti yang stabil, terus membesar, berkuasa, berdisiplin yang dipengaruhi oleh cita-cita tanpa membawa kepada sebarang pecah-belah.

Perdana Menteri menambah, pada hakikatnya, UMNO mengamalkan sistem demokrasi. "Jika UMNO tidak mengamalkan sistem ini, tentulah orang semacam saya tidak mempunyai peluang sama sekali," tegasnya.

Beliau menegaskan, UMNO mengamalkan perasaan kebangsaan untuk memelihara bangsa dan agama.

"Kalau tidak ada perasaan ini semasa British mentadbir Tanah Melayu, saya percaya kita mungkin tidak berjaya mencawakan rancangan British, kerana kita mungkin berharap kepada orang Islam di tempat lain untuk membantu kita.

"Tapi mereka tidak berbuat demikian, sebaliknya, kerana perasaan kebangsaan terhadap negara menyebabkan kita rasa bertanggungjawab untuk terus berjuang," jelasnya.

Ketika ditanya mengenai peranan UMNO terhadap agama Islam, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Sebenarnya banyak yang telah kita buat untuk Islam."

"Tapi agama Islam sendiri tidak suka kepada orang yang mendabik dada atau menunjuk-nunjuk bahawa dialah yang membuat itu dan ini. Saya yakin dapat memerhati apa yang telah dibuat oleh UMNO selama ini," tegasnya lagi.

Perdana Menteri berkata, pada suatu ketika dulu, UMNO pernah dituduh sebagai sebuah parti kebangsaan. "Dan kononnya dalam Islam, kebangsaan ini tidak disanjung tinggi.

"Ini adalah satu perkara yang tidak diterima oleh kebanyakan umat Islam sendiri kerana semua orang Islam mempunyai semangat kebangsaannya," jelas beliau.

Sebagai contoh, tegasnya, rakyat Islam di Afghanistan disrang, tapi tidak semua umat Islam membantunya.

"Bukan semua orang Islam, tapi orang Islam Afghanistan yang berusaha dan sanggup bermati-matian mempertahankan Afghanistan," katanya.

Ditanya mengenai taat setia ahli-ahli terhadap UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Dulu memang tiada balasan kepada mereka yang berjuang.

Tidak ada sesuatu yang mereka dapat untuk diri sendiri kerana mereka berjuang semata-mata kerana semangat kebangsaan,"